

# Empat 'rumah ayam' diserbu DBKL

**KUALA LUMPUR** – Empat buah premis urut di sekitar Kepong, di sini diserbu Jabatan Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kelmarin selepas dipercayai menjalankan aktiviti pelacuran.

Menurut DBKL, aktiviti tidak bermoral itu dikesan selepas pihak berkuasa menjalankan risikan selama lima hari di lokasi berkenaan.

"Sebanyak empat notis di

bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan perindustrian (WPKL) 2016 dikeluarkan atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen sah.

"Selain itu, sebanyak 57 struktur sekatan yang dibina tanpa kelulusan di empat buah premis tersebut dirobohkan di bawah kesalahan Seksyen 79(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Keempat-empat premis tersebut juga telah dikenakan

tindakan penutupan serta-merta dan barangan perniagaan telah disita," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Jelasnya, kesemua barangan yang disita itu dibawa pulang dan disimpan di Stor Jalan Lombong, Cheras, di sini.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari masa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenalpasti," katanya.



**ANGGOTA** penguat kuasa memeriksa sekumpulan wanita dalam operasi di premis urut di Kepong, Kuala Lumpur.